

8

Sikap Hormat

Peribadi yang mulia adalah peribadi yang memiliki sikap hormat. Malah, sikap hormat bukan hanya sebuah nilai kebajikan dan etika, malah merupakan landasan utama dalam hubungan yang baik. Terutama, bagi hubungan yang sihat antara ibu bapa dan remaja.

Ibu bapa mengharapkan dan juga mewajibkan anaknya untuk menghormati dirinya, baik sebagai individu yang mempunyai perasaan dan keperluan, mahupun sebagai individu yang bertanggungjawab atas kesejahteraan keluarga.

Apabila remaja tidak menunjukkan sikap hormat, misalnya mengabaikan, menghina, mengumpat atau menentang ibu bapanya, proses pendidikan anak akan menjadi sulit dan tidak menyenangkan, malah lebih mustahil. Oleh itu, salah satu tujuan utama pendidikan anak adalah mengajar anak untuk menghormati ibu bapanya.

Akan tetapi, ibu bapa juga bertanggungjawab untuk melayan anaknya dengan sikap hormat. Sekali lagi, ini bukan sekadar kewajipan moral, malah adalah unsur yang utama yang harus dipraktikkan dalam membina hubungan yang sihat. Ibu bapa yang suka membentak, memanipulasi, menghina, merendahkan, menyiksa atau mengabaikan anaknya sebenarnya adalah sama sahaja dengan mendirikan dinding pembatas yang menghambat proses pendidikan anak yang efektif.

Secara umum, melayan orang lain dengan sikap hormat bererti memerhatikan keselamatan dan kebahagiaannya dan menunjukkan bahawa fikiran, keinginan dan keperluannya adalah penting bukan hanya semata-mata kerana mereka adalah manusia.